



- FTA-Kerjaan Malaysia tidak mengadakan perundingan dengan MTUC walaupun ia melibat isu-isu pekerja.
- MTUC mengutuk sekeras-kerasnya tindakan MAYBANK memecat Naib Presiden dan Bendahari Agong "National Union of Bank Employees" (NUBE).

Labour bulletin



MTUC CONDEMNS MAYBANK'S ACTION TO DISMISS NUBE OFFICERS

MTUC condemns Maybank's action to dismiss NUBE Vice President and Treasurer as unfair and unwarranted.

The dismissal is clearly in contravention of the provisions of the Industrial Relations Act wherein a worker's right to participate in union activities is assured. Since a year ago Maybank has persistently involved in activities to undermine the existence of NUBE and is actively promoting an in-house union.

Maybank should recognize the right of union officers to carry out legitimate activities including raising objections against unfair actions.

Maybank's action is seen to promote and encourage the establishment of internal Union (In House Union) supported by Maybank itself and thus deny NUBE the right of representation. NUBE has represented Maybank employees for over 50 years.

MTUC call on Maybank to stop all actions that conflict with the principles of natural justice and restore the rights of NUBE to represent workers in Maybank and the two senior officers be reinstated.

Maybank as a GLC status companies should be more responsible in creating "Industrial Harmony" and become a model for other private sectors not act to divide and create conflict among the workers.

MTUC urge the Minister of Human Resources to intervene and deregister the newly registered in-house union for Maybank employees.

NUBE is a National Trade Union (National Union), which has played an important role in bringing progress to the members of the Union, particularly in the banking sector.

MTUC wish to point out that it is illegal under the provisions of the Industrial Relations Act for employer to provide funds to create union rivalry.

Mohd Khalid Atan,
Presiden



Forum FTA-implikasi kepada pekerja

Forum khas Free Trades Agreement(FTA) telah dianjurkan dengan kerjasama MTUC bersama gabungan membantah FTA di Petaling Jaya Selangor pada 4hb Februari 2012. Seramai 100 peserta yang terdiri dari wakil-wakil kesatuan, wakil-wakil NGOs, serta orang awam telah menghadiri forum yang penting ini.

Kerajaan Malaysia kini sedang mengadakan rundingan-rundingan untuk menandatangani FTA dengan Amerika dan juga dengan Kesatuan Eropah(European Union-EU).

Melalui perjanjian perdagangan bebas ini, iaanya akan memberikan implikasi yang besar kepada warga pekerja kerana perjanjian ini mengikat ruang perundungan Kerajaan Malaysia dari segi;

- Penurunan tarif cukai barang import US/EU, maka industri tempatan dan pekerja akan terjejas kerana saingen harga barang.
- Industri tempatan tidak dapat dilindungi, kerana kemasukan bebas produk asing .
- Kemasukan pelabur asing yang akan menuntut undang-undang buruh Malaysia dilonggarkan. Jika Kerajaan enggan, maka pihak pelabur boleh menyaman Kerajaan di tribunal Mahkamah Antarabangsa.
- Kesan kepada sektor kesihatan, terma hakcipta ubat dilanjutkan, maka harga ubat kekal tinggi kerana ditentukan oleh syarikat pemegang paten ubat.

MTUC amat kecewa dengan tindakan kerajaan Malaysia(MITI) yang tidak langsung mengadakan perundingan dengan MTUC bagi memperbincangkan isu-isu yang berkaitan dengan pekerja apatah lagi menghadirkan diri ke forum ini walaupun jemputan telah dihantar.

Memandangkan isu FTA ini amat serius dan akan menjelaskan kehidupan dan mata pencarian kaum pekerja maka ia akan dibawa ke Mesyuarat Exco MTUC untuk tindakan susulan. Kebanyakkan dari kita masih belum sedar akan kesan secara langsung dan tidak langsung yang akan berlaku akibat menerima FTA.

Diantara pembentang kertas kerja dalam forum ini ialah Sdra. Charles Santiago, Ahli Parlimen Klang(DAP), Sdra.Sivarajan(PSM), Sdra.Edward Low (Positive Malaysian Access and Advocacy Group), Sdri.Lim Li Ching, Third World Network dan Sdri Fifa Rahman (International Harm Reduction Network), Sdra.Sarajun (ALIRAN) dan Sdra.Kia Meng.





Forum FTA-implikasi kepada pekerja

Sdra. Khalid dalam ucapan pembukaannya menegaskan bagaimana perjanjian ini seolah-olah dijalankan dalam kerahsian oleh pihak Kerajaan, tetapi ianya memberikan implikasi yang begitu besar kepada pekerja. Khalid menyimpulkan kerisauannya kerana pekerja akan kehilangan kerja sepertimana yang telah berlaku di negara-negara Afrika dan Latin Amerika apabila FTA ini diimplementasi.

Beliau juga membidas tindakan pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan yang tidak hadir ke forum ini. Walaupun jemputan telah diberikan sejak awal lagi, tetapi pihak Kerajaan tidak menghormati pandangan kesatuan.

Malah Kerajaan Malaysia langsung tidak mengadakan sebarang rundingan dengan kesatuan sekerja mengenai implikasi FTA. Ini menunjukkan mereka tidak ikhlas dan telus dalam melaksanakan FTA ini. Perjanjian FTA dengan negara-negara lain menunjukkan bahawa warga pekerja akan kehilangan kerja jika tarif barang import dari Eropah dan Amerika dikurangkan ke 0% terutamanya bagi pekerja-pekerja Malaysia yang bekerja dengan SME.

Selain dari industri SME pembuatan, FTA juga akan membolehkan pelbagai syarikat asing dari EU dan US yang menyediakan perkhidmatan bank, internet, insuran, kewangan, bekalan elektrik, air dan lain-lain di Negara ini. Demi untuk bertanding maka bank dan industri tempatan lain mungkin akan dipaksa untuk bergabung (*consolidate*) dan ini akan menyebabkan pekerja kehilangan kerja.

MTUC mengambil keputusan untuk membincangkan tindakan-tindakan susulan bagi membantah FTA. Sdra. Khalid memaklumkan bahawa isu ini akan dibawa ke mesyuarat Exco MTUC untuk merancang pelan tindakan bantahan sebelum FTA ini ditandatangani akhir tahun ini.

Mohd Khalid Atan
Presiden



Memorandum to Suhakam by MTUC and NGO's on FTA

Date : Friday 3rd February 2012

Time : 11.00 a.m.

Place : 11th Floor, Human Rights Commission Of Malaysia (Suhakam) Menara T H Perdana Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur



Regarding FTA: Handing over of memorandum to the human rights commissioner of Malaysia by MTUC leadership and several NGO's to show our protest urging the government of Malaysia not to sign the free trade agreement between European union and the United States of America sighting serious implications to the workers and their families economically and socially.

MTUC and the NGO's are concerned on the following:-

- *workers rights will be further eroded;
- *health and medical costs will be sharply increased;
- *our sovereignty will be compromised





LATEST AMENDMENT TO THE EMPLOYMENT ACT

What is so bad about the new amendment?

One of several aspects of Bill that is the main bone of contention, i.e. the introduction of the new provision for the definition of "contractor" for "contractor for labour". The "contractor" is fortified as labour supplier for part or whole to the "principal" in the application of the definition.

Why is the introduction of the "contractor of labour" bad?

With the amendment, the contractor for labour will be the third party or outsourced company (or the middleman) who will come in between the now direct relationship between the owner-operator of his trade or business (defined as the "principal") and the worker.

Are there other amendments that are detrimental to the workers?

Yes. Other amendments related to the contractor of labour are:

- ◆ (a) Payment of overtime wages for work done by contract workers. The bill seeks to amend the Act for such wages to be deferred by one month. This is to facilitate the principal employer time to pay the contractor for labour that in turn pays the contract workers.
- ◆ (b) Inclusion of "weekly rate of pay" in the amendment will enable the contractor of labour to collect agreed payments from the principal but pay the worker at the ordinary rate of pay (lower rate) for overtime work.
- ◆ (c) Setting lower limit for hours of work for part-time work. This would enable contractor for labour to engage workers on casual basis for as low as 14.4 hours per week or 2.4 hours per day, without breaking the law.

But these contractor for labour or outsourcer companies have been in existence in the country since the mid 1990s?

⇒ (a) The employment scenario in the country began to change in the early 1990s. In 1992 the government allowed migrant workers for the construction and plantation sector only. In 2000, it was extended to manufacturing and service (hotel and restaurants) sectors. In 2002, it was extended to all sectors. The migrant workers were generally employed by the principal employer but this changed in 2005, when the Cabinet Committee on Foreign Workers in its meeting on 5 July 2005 agreed to the recruitment of foreign workers through outsource companies. The issuance of the outsource licences came under the Foreign Workers Management Division of the Ministry of Home Affairs (Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri). There are about 277 registered outsource companies in the country. (The Star, 23-Feb 2010). Among the conditions set were that accommodation, transportation, payment of wages of RM400, medical examination including insurance coverage shall be under the outsourcing company.

⇒ (b) Now the outsource companies are employing local workers as well. The outsource companies later began to recruit local workers, some on fix term contract, with terms and conditions of service found to be less favourable than that of migrant workers. Some of them being employed under 'contract for service' instead of 'contract of service' effectively depriving the local workers the benefits under the Employment Act.

To be continue next month...

Kursus dan Aktiviti MTUC

National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) / MTUC-OSH – 'Basic Occupational First Aid (Competency)

Kursus anjuran bersama NIOSH/MTUC telah berlangsung selama dua hari di Hotel NAZA Tallya, Melaka pada 17- 18 hb Disember 2011. Kursus yang dikelolakan oleh MTUC Bahagian Melaka ini telah dihadiri seramai 17 peserta dari kesatuan-kesatuan gabungan di seluruh negeri Melaka. Kursus ini telah memberi pendedahan yang amat berguna kepada semua peserta berkenaan dengan pertolongan cemas. Peserta-peserta juga telah berpeluang mengambil ujian Asas Pertolongan Cemas di akhir program kursus tersebut.



Dilaporkan oleh Sdra. Azlan Tajuddin, Bahagian MTUC Pulau Pinang



Pertandingan Bowling Anjuran Belia MTUC, telah diadakan pada 29.1.2012 di

Summit USJ.

Sebanyak 26 pasukan yang bertanding hari itu terdiri daripada :-

1. Proton 2 (Shah Alam & Tg. Malim),
2. Perodua 6 (Termasuk Enjin), UMW, Toyota 2, AIROD 4, UMGSU 1, NUPCIW 1, NUCW 1, Puncak Niaga 2, KESUKA 1, S'gor Textiles 1, TNBJOU 1, NUTE 1, Northsport 2, LSG Sky Chef 1, Sekalung tahniah diucapkan kepada kumpulan UMGSU kerana mengekalkan kejuaraan dalam pertandingan bowling pada tahun ini. Pemenang pertama telah memenangi hadiah sebanyak RM400.00 dan trofi. Manakala N.Juara: Puncak Niaga, hadiah tunai RM350.00 dan trofi dan tempat ke-3 KPP Perodua Assembly, hadiah tunai RM300.00 dan trofi.





Consumer Price Index

Berikut merupakan CPI –Indek Harga Pengguna bagi tahun 2007-2011 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Statis tik Negara.

Bagi tahun 2007 perubahan indek untuk Semenanjung ialah $107.1 - 105.1 / 105.1 \times 100 = 2\%$

Bagi tahun 2008 perubahan indek untuk Semenanjung ialah $111.7 - 109.9 / 109.9 \times 100 = 1.6\%$

Bagi tahun 2009 perubahan indek untuk Semenanjung ialah $112.9 - 111.5 / 111.5 \times 100 = 1.3\%$

Bagi tahun 2010 perubahan indek untuk Semenanjung ialah $115.4 - 113.0 / 113.0 \times 100 = 2\%$

Bagi tahun 2011 perubahan indek untuk Semenanjung ialah (Jan-Nov) $104.2 - 101.8 / 101.8 \times 100 = 2.4\%$

2007	JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUN	JUL	AUG	SEP	OCT	NOV	DEC
Malaysia	105.1	105.1	105.0	105.0	105.1	105.3	105.7	105.9	106.0	106.1	106.8	107.1
S'jung	105.1	105.0	104.9	104.9	105.1	105.3	105.6	105.8	106.0	106.1	106.8	107.1
Sabah	105.0	105.2	105.3	105.4	105.3	105.6	105.9	106.1	106.3	106.5	106.9	107.2
Sarawak	105.1	105.2	105.3	105.3	105.4	105.6	105.9	105.9	106.1	106.2	106.8	107.2

2008	JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUN	JUL	AUG	SEP	OCT	NOV	DEC
Malaysia	107.5	107.9	107.9	108.2	109.1	113.4	114.7	114.9	114.7	114.2	112.9	111.8
S'jung	109.9	110.5	107.8	108.1	109.1	113.1	114.5	114.7	114.6	114.0	112.7	111.7
Sabah	107.9	108.2	108.4	108.5	109.1	114.2	115.4	115.8	115.7	115.6	114.6	113.8
Sarawak	107.6	108.2	108.5	108.9	109.1	115.0	116.2	116.3	115.8	115.1	113.4	111.9

2009	JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUN	JUL	AUG	SEP	OCT	NOV	DEC
Malaysia	111.7	111.9	111.7	111.5	111.7	111.8	111.9	112.1	112.4	112.5	112.8	113.0
S'jung	111.5	111.7	111.5	111.3	111.5	111.6	111.7	111.9	112.2	112.3	112.6	112.9
Sabah	113.9	114.5	114.2	113.9	113.7	113.7	113.7	114.1	114.4	114.6	114.7	114.7
Sarawak	111.9	112.7	112.5	112.2	112.0	112.1	112.2	112.3	112.6	112.7	113.0	113.1

2010	JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUN	JUL	AUG	SEP	OCT	NOV	DEC
Malaysia	113.2	113.2	113.2	113.2	113.5	113.7	114.0	114.4	114.7	114.7	115.0	115.5
S'jung	113.0	113.0	113.0	113.1	113.3	113.6	113.9	114.2	114.3	114.6	114.9	115.4
Sabah	115.1	115.5	115.5	115.5	115.5	115.5	115.8	116.3	116.4	116.7	116.8	117.5
Sarawak	113.3	113.5	113.5	113.5	113.6	113.7	113.9	114.4	114.5	114.7	115.0	115.6

2011	JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUN	JUL	AUG	SEP	OCT	NOV	DEC
Malaysia	101.8	102.3	102.4	102.6	102.9	103.2	103.4	103.6	103.8	104.0	104.1	
S'jung	101.8	102.4	102.5	102.7	102.9	103.3	103.5	103.6	103.8	104.1	104.2	
Sabah	101.8	102.1	102.2	102.4	102.6	102.6	103.0	103.4	103.6	103.7	103.9	
Sarawak	101.6	102.1	102.1	102.2	102.4	102.5	102.6	102.8	103.0	103.2	103.4	

Sumber*: Jabatan Perangkaan Malaysia



Cabaran Kesatuan

Gaji hanya RM510 sebulan?

Hampir 50 pemandu bas henti-henti mogok tidak mahu memandu bas, pada 1hb Februari, kerana tidak berpuas hati dengan gaji ditawarkan PM Cultural & Tourism (PMCT) Sdn Bhd, iaitu anak syarikat Kerajaan Negeri Melaka yang mengambil alih operasi bas di negeri Melaka yang bermula, pada 1hb Feb 2012 .

Hanya dilihat beberapa bas membawa penumpang ke terminal, selain membawa pelajar, hasil ihsan pemandu bas selepas ramai ibu bapa merayu meminta tolong menghantar anak mereka ke sekolah. Rata-rata mereka berkata, selagi tawaran gaji pokok sebanyak RM510 sebulan tidak diteliti semula, mereka berkemungkinan akan meneruskan mogok atau berhenti kerja. Mereka mendakwa, pendapatan baru itu jauh lebih rendah daripada sebelum ini iaitu sekitar RM2,000 sebulan.

Kaji semula gaji pokok

Pemandu bas, M Selvam, 48, berkata, gaji yang ditawarkan hasil pengambilalihan operasi itu sangat murah dan tidak memadai. "Kita mahu makan apa dengan wang RM510 sebulan? Sudahlah terpaksa bangun jam 5 pagi dan kerja sampai ke malam, bawa nyawa orang lagi. Ini memang tidak patut. "Pagi ini (semalam), saya bawa bas pun kerana tidak sampai hati apabila ibu bapa merayu minta tolong bawa anak-anak mereka ke sekolah," katanya.

Seorang lagi pemandu, Abdul Karim Said, 53, berharap pihak PMCT akan segera mengkaji semula gaji yang ditawarkan untuk mereka. "Kena ada keputusan muktamad. Kami diberitahu boleh dapat gaji sehingga RM1,500 selepas campur pelbagai elaun. Tolong kaji semula gaji pokok ini," katanya. Pemandu bas, Sabri Mohamad, 40, pula berkata, dia yang sudah hampir 15 tahun memandu bas berasa amat terkilan dengan bayaran gaji baru itu. "Kita mahu kerja tetapi kaji semula gaji yang diberikan. Dahulu sekitar RM2,000 kami boleh dapat tetapi kali ini memang susah sebab kos hidup terlalu tinggi," katanya.

Mahu bayaran elaun

Pada 1hb Februari adalah hari pertama operasi bas henti-henti di bawah PMCT selepas Kerajaan Negeri mengambil alih 10 syarikat bas henti-henti yang sebelum ini mengumumkan akan menamatkan perkhidmatan akibat tidak mampu menanggung kos operasi dan penyelenggaraan yang tinggi. Dalam pada itu, pemandu bas turut mengharapkan bayaran komisen dimansuhkan dan digantikan dengan bayaran elaun berikutnya pendapatan antara bas adalah berbeza. Malah semalam 1hb Feb, perkhidmatan bas turut tidak beroperasi berikutan penyerahan kunci pihak pengusaha kepada PMCT, jam 6 petang menyebabkan pemandu bas tidak bertugas. Akibatnya, pengguna terpaksa menggunakan alternatif lain, termasuk menaiki teksi untuk ke destinasi dituju. *Sumber : Sinar Harian 2 Feb 2012*

Nasib 161 pekerja tempatan terbaik

Kemelut melanda 161 pekerja tempatan sebuah kilang elektronik di Nilai, Seremban yang diberhentikan bakal menemui jalan penyelesaian apabila permintaan pekerja terbabit akhirnya dipenuhi syarikat berkenaan.

Ini termasuk desakan pekerja berkenaan menerusi tuntutan yang dibuat pekerja serta Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Negeri Sembilan supaya menghentikan semua pekerja asing di situ.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Perladangan, Sumber Manusia, Alam Sekitar dan Pengaduan Awam negeri, Datuk VS Mogan berkata, syarikat terbabit sudahpun menghentikan pekerja asing itu sepertimana diminta. "Malah, mana-mana pekerja kilang tempatan yang diberhentikan itu juga akan ditawar untuk bekerja di kilang-kilang vendor yang berdekatan. "Masalah ini dilihat hampir selesai kerana kedua-dua pihak bersetuju dengan apa yang dirancang untuk mereka," .

Buat permulaan, seramai 10 pekerja yang dibuang itu sudah menerima tawaran bekerja di kilang Samsung, Senawang, bagi sebagai ganti kerja lama mereka.

"Malah, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) juga membuka jalan dengan menyerapkan pekerja yang diberhentikan ke kilang berhampiran dengan tempat tinggal mereka," katanya semasa bertindak turun padang bertemu dengan pekerja terbabit yang sekali lagi mengadakan piket di luar kawasan kilang tersebut, pada 27 Jan.

Pekerja-pekerja tempatan telah bertindak berjalan kaki sambil mengusung keranda sejauh kira-kira 500 meter sehingga ke kilang berkenaan sebagai tanda protes.

Sementara itu, Mogan berkata, walaupun masalah itu hampir selesai, masih terdapat beberapa isu yang masih dalam rundingan, bagai-manapun beliau tidak menjelaskan lebih terperinci.

"Terdapat beberapa perkara yang masih dalam rundingan dan perlu diselesaikan dengan pihak-pihak berkaitan.

Sumber: Sinar Harian , 28 Jan 2012



Pertikaian & Cabaran

Kesatuan bantah usaha jual KTMB

KTM Berhad (KTMB) perlu bergerak secara bersendirian di bawah kawal seliaan kerajaan, bukannya membolehkan pihak swasta mengambil alih semula syarikat berkenaan, mengikut penjelasan RUM dalam surat kepada Datuk Seri Najib Tun Razak awal minggu ini.

Dalam surat yang sama, Kesatuan Pekerja-pekerja KTMB(RUM) berkata, syarikat pengangkutan awam itu boleh dipandukan dan diterajui oleh warga kerja sendiri yang cukup cakna atau pakar dalam perkhidmatan kereta api.

"Malahan pihak kesatuan pernah menekankan agar KTMB dikembalikan kepada sektor awam . Tindakan menyerahkan KTMB kepada sektor swasta dilihat peranan mereka tidak tetap pendirian, yang akan menyusahkan negara yang nanti berkesudahan mengabaikan tanggungjawab kebijakan dan kebaikan pekerja," kata Presiden kesatuan, Abdul Razak Md Hassan dalam surat kepada Perdana Menteri.

Kesatuan itu menulis surat kepada Najib ekoran khabar angin bahawa syarikat MMC mahu mengambil alih KTMB dan adanya usah untuk menjual Bangunan KTMB.

Kesatuan Pekerja-pekerja KTMB menentang sebarang usaha mahu menjual bangunan syarikat atas alasan menjadi tanggungjawab semua pihak mempertahankan 'bangunan warisan'.

Abdul Razak menambah, pihak kesatuan bukannya menanam perasaan prasangka buruk terhadap mana-mana syarikat bakal mengambil alih KTMB, tetapi setelah dikaji dan diperhalusi keupayaan syarikat yang berkenaan dirasai akan timbul 'kontroversi' dari aspek ekonomi dan sosial para pekerja yang mungkin akan terjadi hakisan terhadap beberapa feadah yang telah dinikmati kerana prinsip utama syarikat-syarikat berkenaan ialah mendapatkan "keuntungan ringgit."

Abdul Razak juga berkata, sepatutnya 'kemelut' percubaan mengambil alih KTMB tidak lagi terbangkit kerana pada hakikatnya keupayaan ini telah menemui titik noktah atau kegagalan apabila kerajaan menolak pembaharuan kontrak Konsortium Marak Unggul beberapa tahun lalu.

"Andaian kami berkemungkinan penolakan kontrak Konsortium Marak Unggul oleh kerajaan setelah pihak kerajaan dapat mengesan kebenaran fakta yang sama yang telah disuarakan oleh kesatuan yang mungkin membawa erti bahawa pihak konsortium tersebut tidak berkemampuan dan sukar mengendalikan urus tadbir syarikat KTMB.

"Peranannya yang tidak dapat memikul tanggungjawab moral kepada negara khususnya pada melindungi kebaikan syarikat dan kakitangan boleh juga membawa makna bahawa pihak konsortium tersebut tidak merealisasikan objektif sebenarnya mengambil alih KTMB," katanya.

NUBE dan Pertikaian

Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Bank (NUBE) memutuskan untuk mengadakan mogok ekoran tindakan Maybank, bank terbesar Malaysia, memecat dua pegawai kanannya awal minggu ini. Setiausaha Agung NUBE, J Solomon berkata, tindakan itu telah diputuskan secara sebulat suara pada mesyuarat exco. Maybank memecat Naib Presiden NUBE, Abdul Jamil Jalaludeen dan Bendahari Kehormatnya Chen Ka Faat telah berkuat kuasa dan berhubung tindakan mereka membawa kain rentang mengecam bank itu di Geneva tahun lalu. Sehubungan itu katanya, persidangan perwakilan luar biasa akan diadakan pada 10 Februari ini bagi mendapatkan perakuan ahli-ahlinya berhubung rancangan mengadakan mogok. "NUBE bersedia untuk melakukan apa sahaja dan segala-galanya untuk melindungi tindakan-tindakan mengeksplotasi pekerja oleh Maybank.